


# Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

## Yunus dan Ikan Besar



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Jonathan Hay

Disadur oleh: Mary-Anne S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

©2024 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

Bertahun-tahun dahulu, seorang lelaki  
bernama Yunus tinggal di tanah Israel.  
Pada suatu hari, Tuhan menyuruh-  
nya pergi ke Niniwe, kota  
terbesar dan terkuat  
di dunia.



Yunus harus memberi amaran kepada semua orang di sana bahawa Tuhan tahu betapa jahatnya mereka.




3

Yunus tidak menaati perintah Tuhan! Daripada pergi ke Niniwe, Yunus menaiki sebuah kapal dan berlayar ke arah yang bertentangan ke tempat yang dipanggil Tarsus.




4

Lalu Tuhan menghantar angin kencang ke lautan. Terdapat ribut besar! Para anak kapal takut kapal itu mungkin pecah dan tenggelam.



5

Ribut semakin teruk. Kerana ketakutan, para anak kapal berdoa kepada tuhan mereka dan membuang semua kargo ke laut untuk meringankan kapal. Tetapi tiada apapun yang Berjaya mengurangkan ribut itu.




6

Yunus merupakan satu-satunya orang di atas kapal yang tidak berdoa. Sebaliknya, dia sedang berbaring di dalam kapal, tidur nyenyak. Kapten kapal menemuinya. "Awak buat apa tidur? Bangun! Berdoalah kepada Tuhanmu! Mungkin Tuhan akan mengasihani kita, supaya kita tidak binasa."




7

Para anak kapal tidak lama kemudian memutuskan bahawa masalah mereka berpunca dari Yunus. Dia memberitahu mereka bahawa dia melarikan diri daripada TUHAN. Mereka bertanya, "Apakah yang harus kami perbuat kepadamu, supaya laut menjadi tenang bagi kami?" "Angkat aku dan lemparkan aku ke dalam laut," jawab Yunus. "Karena aku, ribut yang hebat ini menumpa kamu."



8


Para anak kapal tidak ingin melemparkan Yunus ke laut. Lalu mereka mendayung sekuat tenaga untuk mengarahkan kapal ke arah daratan. Tetapi mereka tidak mampu. Hanya tinggal satu hal yang boleh mereka lakukan.




Setelah berdoa memohon pengampunan, para anak kapal segera mengangkat Yunus ke atas dan membuangnya ke laut. Segera setelah Yunus tenggelam ditelan gelombang, tiba-tiba lautan menjadi tenang dan badai berhenti.




Perubahan cuaca yang tiba-tiba tersebut membuat para anak kapal takut, lebih menakutkan daripada badai yang baru saja berlalu. Mereka menyadari bahwa hanya Tuhan yang sanggup melakukan itu. Dalam ketakutan dan takjub, mereka memuji-muji Tuhan.



Sementara itu, si utusan (Yunus) yang tidak menaati perintah Tuhan mengalami suatu kejutan besar. Tiada daya dan tenggelam ke dalam lautan, Yunus sadar bahwa tidak ada yang dapat menolongnya lagi. Dia akan mati tenggelam, tetapi Tuhan punya rencana lain untuknya.



TUHAN telah menyediakan seekor ikan besar untuk menelan Yunus. Ikan itu datang tepat pada masanya! Sekali teguk dan Yunus keluar dari laut dan masuk ke dalam perut ikan. Yunus tinggal di dalam perut ikan selama tiga hari. Dia mempunyai banyak masa untuk berfikir dan berdoa.



Setelah tiga hari, Yunus akhirnya berjanji untuk mematuhi perintah Tuhan. Kemudian Tuhan memerintahkan ikan besar, untuk memuntahkan Yunus di tepi pantai.



Sekali lagi, Tuhan memerintahkan Yunus untuk pergi ke Niniwe dan memberitakan firman Tuhan. Kali ini, Yunus patuh dan pergi ke Niniwe. Yunus sampai di kota Niniwe dan mengabarkan, "Bahwa dalam empat puluh hari, Niniwe akan ditaklukkan."



15

Penduduk Niniwe percaya terhadap peringatan dari Tuhan. Mereka berpuasa dan mengenakan pakaian berkabung untuk memohon ampun atas dosa-dosa mereka kepada Tuhan. Bahkan raja mereka pun merendahkan diri di hadapan Tuhan. Dia menanggalkan mahkotanya, mengenakan pakaian berkabung dan duduk dalam debu. Raja memerintahkan setiap orang untuk berbalik dari kejahatan, dan dosa-dosa mereka dan

berdoa karena Tuhan akan mengampuni mereka.



16

Dan Tuhan benar-benar mengampuni mereka! Itulah hari paling menakjubkan dan penuh sukacita di Niniwe ketika orang-orang menyadari bahwa Tuhan sudah mengampuni dosa-dosa mereka ...


Tetapi ada satu orang yang sangat marah. Yunus!



17

Mengapa Yunus marah? Dia berkata kepada Tuhan, "Aku tahu bahwa Engkau adalah Tuhan yang maha pengasih, dan penyayang, panjang sabar, dan penuh dengan kebaikan." Yunus tahu bahwa Tuhan

sentiasa sedia untuk mengampuni mereka yang menyesali dosa mereka dan mematuhi Firman Tuhan. Nampaknya Yunus tidak menyukai penduduk Niniwe. Dia tidak mahu mereka dimaafkan.



18

Yunus begitu marah kepada Tuhan sehingga dia berkata, "Ambillah nyawaku daripadaku; kerana kematian itu lebih baik bagiku daripada hidup."



19

Yunus duduk di luar kota, menunggu untuk melihat apa yang akan dilakukan Tuhan seterusnya. Tuhan Allah menyediakan tumbuhan dengan daun yang besar. Ia tumbuh dengan cepat, dan menaungi Yunus dari terik matahari sepanjang hari.



20

Keesokan harinya, Tuhan menghantar seekor cacing, yang membunuh tumbuhan itu. Kemudian, Tuhan menyediakan angin panas dan kuat yang menyakitkan Yunus sehingga dia menyangka dia akan mati. Semua ini membuatkan Yunus semakin marah.



21

Kemudian Tuhan berfirman kepada Yunus, "Apakah hakmu untuk marah? Kamu mengasihani pokok anggur, yang tidak kamu kerjakan dan tidak kamu tanam. Ia muncul dalam satu malam

dan mati dalam satu malam."



22

"Mengapa Aku tidak boleh menunjukkan kemurahan-Ku kepada Niniwe, Kota besar dengan ribuan penduduknya?"



23

## Yunus dan Ikan Besar

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Yunus

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

24

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihani kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

26

TAMAT

26



60

25